

PERATURAN KEJOHANAN MERENTAS DESA MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH KEDAH (MSSK)

1 UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN

Kejohanan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan- Peraturan Am Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Peraturan Kejohanan Merentas Desa Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) tahun semasa.

2 JENIS PERTANDINGAN / KATEGORI / JARAK LALUAN

- 2.1. Pertandingan akan dijalankan secara Individu dan Berpasukan.
- 2.2. Kumpulan umur dan kategori adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI DAN HAD UMUR PESERTA	JARAK LARIAN	TAHUN LAHIR
1	LELAKI BAWAH 18 TAHUN	8 KM	2006, 2007, 2008
2	LELAKI BAWAH 15 TAHUN	6 KM	2009, 2010, 2011
3	LELAKI BAWAH 12 TAHUN	4 KM	2012 dan ke atas
4	PEREMPUAN BAWAH 18 TAHUN	6 KM	2006, 2007, 2008
5	PEREMPUAN BAWAH 15 TAHUN	6 KM	2009, 2010, 2011
6	PEREMPUAN BAWAH 12 TAHUN	4 KM	2012 dan ke atas

3 PENGESAHAN PESERTA–PESERTA / URUTAN KEJOHANAN

3.1 HARI PERTAMA

3.1.1. Melaporkan diri

3.1.1.1 Hari pertama melapor diri dan sesi Pengesahan penyertaan yang akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan menunjukkan borang maklumat peserta seperti pada Perkara 4. (Pendaftaran Peserta)

3.1.1.2 Borang penyertaan yang lengkap setelah disemak hendaklah dihantar kepada pengelola semasa melaporkan diri dan maklumat trek laluan untuk latihan pengenalan trek.

3.1.2 Pengenalan Trek

3.1.2.1 Hari pertama **sesi pagi dan petang** / ikut susunan jadual oleh pengelola

3.1.3 Mesyuarat Pengurus Pasukan

3.1.3.1 Pada **sebelah petang hari pertama semasa peserta dalam sesi pengenalan trek laluan.**

3.2 HARI KEDUA

3.2.1 Pertandingan pada awal pagi. *(sila rujuk jadual acara perlepasan peserta)*

3.2.2 Penyampaian Hadiah - *setelah semua keputusan telah di proses*

4 PENDAFTARAN PESERTA

- 4.1 Setiap pelajar yang didaftarkan hendaklah Warga Negara Malaysia dengan **5peserta** bagi setiap kategori.
- 4.2 Pendaftaran peserta hendaklah merujuk kepada **Peraturan AM MSSM (Perkara 5)**
- 4.3 Borang penyertaan awal **secara online** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada pengelola pada atau sebelum **06 Mei 2024**. Selepas itu, tarikh **pertukaran terakhir peserta pada 08 Mei 2024**.
- 4.4 Semua peserta diwajibkan membawa surat **Pengesahan Perakuan Kesihatan Pelajar yang telah diperakui dan ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga. (Terkini)**

5 PENETAPAN PUNGUTAN MATA BAGI BERPASUKAN

- 5.1 Daripada **lima (5) peserta** yang berlari, prestasi / pencapaian terbaik **empat (4)** orang peserta yang menamatkan larian akan diambil kira untuk menentukan kedudukan pasukan.
- 5.2 Pasukan yang mendapat **agregat terendah** akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 5.3 Jika berlaku **seri**, penamat yang **keempat (4)** terbaik akan diambil kira bagi menentukan pemenang

6 PENENTUAN JUARA KESELURUHAN

- 6.1 Juara keseluruhan merentas desa berdasarkan jumlah **agregat yang terendah** dikumpulkan daripada **enam (6)** kategori.
- 6.2 Jika berlaku **seri**, pasukan yang mendapat bilangan **Johan Berpasukan yang terbanyak** akan dikira sebagai pemenang.
- 6.3 Jika berlaku seri juga, tempat kedua dan berikutnya akan diambil kira sebagai pemenang

7 HADIAH-HADIAH

- 7.1 Bagi acara Individu.
 - 7.1.1 Hadiah diberikan kepada pemenang tempat **pertama (1)** hingga empat **dua puluh (20)** bagi setiap kategori.
- 7.2 Bagi Acara Berpasukan
 - 7.2.1 Kategori L 18 : Johan
 - 7.2.2 Kategori L 15 : Johan
 - 7.2.3 Kategori P 18 : Johan
 - 7.2.4 Kategori P 15 : Johan
 - 7.2.5 Kategori L 12 : Johan
 - 7.2.6 Kategori P 12 : Johan
- 7.3 Piala Pusingan akan diberikan kepada kontinjen yang menjadi **Johan Keseluruhan, Naib Johan dan Tempat Ke-3**.

8 NOMBOR BIB PESERTA

8.1 Setiap peserta hendaklah memakai nombor bib pengenalan yang disediakan oleh Kontinjen masing-masing di bahagian hadapan dan di belakang badan dan hendaklah disematkan pin pada keempat-empat sudut bib.

8.2 Penetapan bib peserta adalah seperti berikut:

DAERAH	KATEGORI					
	18 L	18 P	15 L	15 P	12L	12P
	HIJAU	BIRU	KUNING	MERAH	UNGU	JINGGA
KOTA SETAR	A11 – A16	A21 – A26	A31 – A36	A41 – A46	A51 – A56	A61 – A66
KUBANG PASU	B11 – B16	B21 – B26	B31 – B36	B41 – B46	B51 – B56	B61 – B66
PADANG TERAP	C11 – C16	C21 – C26	C31 – C36	C41 – C46	C51 – C56	C61 – C66
KUALA MUDA YAN	D11 – D16	D21 – D26	D31 – D36	D41 – D46	D51 – D56	D61 – D66
BALING	E11 – E16	E21 – E26	E31 – E36	E41 – E46	E51 – E56	E61 – E66
KULIM BANDAR BAHARU	F11 – F16	F21 – F26	F31 – F36	F41 – F46	F51 – F56	F61 – F66
LANGKAWI	G11 – G16	G21 – G26	G31 – G36	G41 – G46	G51 – G56	G61 – G66
PENDANG	H11 – H16	H21 – H26	H31 – H36	H41 – H46	H51 – H56	H61 – H66
SIK	J11 – J16	J21 – J26	J31 – J36	J41 – J46	J51 – J56	J61 – J66

9 MELAPORKAN DIRI PESERTA

9.1 Semua peserta mesti melaporkan diri sekurang-kurangnya **30 minit sebelum waktu** acara berkenaan dijadualkan berlangsung.

9.2 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mestidisematkan dengan pin pada setiap penjurong di baju larian masing-masing.

10 MEMANASKAN BADAN

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang ditentukan.

11 PAKAIAN

11.1 Peserta hendaklah berpakaian sesuai dan kemas serta **DIGALAKKAN** berkasut sewaktu mengambil bahagian dan **DIWAJIBKAN** berkasut semasa majlis penyampaian hadiah. Pengurus pasukan bertanggungjawab memastikan atlet berkasut jika keadaantrek merentas desa ada risiko kecederaan.

11.2 Pakaian hendaklah tidak jarang walaupun basah dan tidak menjolok mata.

12 BANTAHAN

12.1 Rujuk pertuan AM MSSM (Perkara 12)

13 HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

13.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan, tetapi Jawatankuasa Pengelola dengan persetujuan Pengerusi Teknik dan Pembangunan Olahraga MSSK, berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pemindaan, pengurus-pengurus pasukan akan diberitahu.

13.2 Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tercatat dalam Undang-Undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) terkini, Peraturan- Peraturan Am MSSM atau Peraturan-Peraturan Pertandingan Kejuhanan Merentas Desa MSSM.

14 HAL-HAL LAIN

14.1. Tempat-tempat khas akan disediakan untuk peserta-peserta dan pegawai-pegawai. Individu yang tidak berkenaan **DILARANG** masuk ke tempat-tempat khas tersebut.

14.2 Selain Pegawai-Pegawai Teknik yang bertugas dan peserta-peserta yang mengambil bahagian, **TIDAK SESIAPA PUN DIBENARKAN MASUK KE ARENA PERTANDINGAN KECUALI DENGAN KEBENARAN PENGURUS KEJOHANAN.**

14.3 Jawatankuasa tidak bertanggungjawab atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kehilangan anggota badan / harta benda / sebarang kecederaan lain berlaku :

14.2.1 Semasa perjalanan pergi dan balik dari penginapan ke *venue* pertandingan

14.2.2 Semasa kejuhanan dijalankan

14.2.3 Di dalam dan di luar kawasan *venue* pertandingan

14.2.4 Di tempat-tempat penginapan

14.4. Walau bagaimanapun, pihak Pengelola Kejuhanan akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta dan pegawai-pegawai setakat yang munasabah.

KEDUDUKAN LORONG PERMULAAN

BIL	PASUKAN	LORONG					
		L12	P12	L15	P15	L18	P18
1	KOTA SETAR	1	5	7	6	9	5
2	KUBANG PASU	4	9	1	8	5	1
3	PADANG TERAP	9	6	2	3	3	8
4	KUALA MUDA YAN	8	7	3	1	1	3
5	BALING	7	3	6	5	6	6
6	KULIM BANDAR BAHARU	5	2	8	2	8	7
7	LANGKAWI	3	8	4	4	7	4
8	PENDANG	2	4	5	9	4	2
9	SIK	6	1	9	7	2	9

JADUAL PELEPASAN ACARA

BIL	KATEGORI	JARAK	MASA PENDAFTARAN	LAPOR DIRI DI BILIK PANGGILAN	MASA PERLEPASAN
1	L12	4 KM	6.00 PAGI SEHINGGA 7.20 PAGI SEMAK KEHADIRAN DAN NOMBOR BIB	7.30 PAGI	8.00 PAGI
2	P12	4 KM		7.35 PAGI	8.05 PAGI
3	L15	6 KM		7.40 PAGI	8.10 PAGI
4	L18	8 KM		7.55 PAGI	8.25 PAGI
5	P15	6 KM		8.00 PAGI	8.30 PAGI
6	P18	6 KM		8.05 PAGI	8.35 PAGI

MAKLUMAN PERATURAN TAMBAHAN

1. Apa jua air minuman boleh diberikan kepada peserta sepanjang laluan trek larian oleh pegawai-pegawai pasukan yang berdaftar dalam sistem sahaja selain air minuman yang telah disediakan di stesen pembasahan dan stesen pensegaran.
2. Jika atlet mengalami kecemasan dan kecederaan semasa dalam pertandingan, pegawai bertugas yang di tetapkan boleh memberikan apa jua bantu mula dengan segera kepada peserta tersebut dan peserta tersebut masih lagi boleh meneruskan pertandingan setelah mendapatkan rawatan itu.
3. Bantuan kecederaan kepada peserta lain dalam satu pasukan hanya boleh dilakukan dalam kategori umur dan jantina yang sama sahaja.